

TOKYO, 13 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyatakan kebimbangannya hari ini bahawa dunia sudah berada dalam krisis pertumbuhan serta menghadapi krisis dalam sistem perdagangan dunia.

Sekiranya dunia tidak melakukan apa yang perlu dilakukan, tahun 1990an akan menyaksikan krisis pertumbuhan yang berpanjangan, katanya dalam ucapan dasar pada persidangan antarabangsa mengenai "Peranan Asia Dalam Order Dunia Yang Berubah" di sini.

Bagaimanapun, beliau berkata bahawa penyatuan ekonomi Asia Timur, yang disebabkan oleh rantau terbuka yang didorong oleh pasaran, akan mengakibatkan banyak kejayaan ekonomi dalam abad ke-21, selepas yang berlaku pada abad ini.

Merujuk kepada pengalaman Asean apabila kepemimpinan sering bermaksud kepemimpinan dalam kepekaan dan timbang rasa terhadap yang lain, dalam kebijaksanaan, dalam usaha, tanggungjawab dan pengorbanan, beliau menggesa Jepun, China dan negara-negara besar di Asia Timur itu supaya menawarkan kepemimpinan.

Katanya, kini tiba masanya bagi semua di Asia Timur memulakan proses yang matlamat terakhir menjadi zon kerjasama, kedamaian dan kemakmuran yang merentangi Jakarta hingga ke Kuala Lumpur.

Walaupun beliau tidak menjangkakan akan berlaku satu lagi tempoh Kemelesetan Besar, proses pertumbuhan lembap yang berpanjangan amat nyata, katanya, sambil menambah kata akibatnya mendalam dan menyeluruh.

Banyak kemajuan politik, ekonomi dan sosial yang dicapai dalam beberapa dekad yang lepas akan terhapus, katanya dalam ucapan mengenai "Perdagangan Dunia: GATT, Kumpulan dan Pertumbuhan".

Mengenai krisis dalam sistem perdagangan dunia pula, Dr Mahathir berkata bahawa Pusingan Uruguay mengenai rundingan perdagangan pelbagai hala mar; menghadapi kebuntuan, "ditahan oleh beberapa orang peladang dan kepentingan politik calon-calon mereka".

"Anggota-anggota GATT yang lain, sesetengahnya penghidupan masing-masing bergantung kepada keputusan itu, hanya menjadi penonton, dan kerap tidak memahami perkara yang sebenarnya dan tidak dapat mempengaruhi keputusannya," tambahnya.

Sistem perdagangan dunia pelbagai hala, dan terbuka hari ini menghadapi krisis yang besar, dengan sistem pelbagai hala menghadapi ancaman blok, hubungan sehalu, hubungan dua hala dan "minilateralism" apabila urusan niaga eksklusif diiktirafkan antara sekumpulan negara yang terpilih sahaja, tambahnya.

"Adalah jelas pada saya bahawa tugas yang ulung, paling penting bagi kepemimpinan ekonomi dunia hari ini ialah kejayaan Pusingan Uruguay," katanya, sambil menambah kata bahawa jika Pusingan itu gagal, "kemungkinan mengucapkan selamat tinggal kepada sistem perdagangan sedunia" yang sudah wujud sejak tamat Perang Dunia Kedua.

Jika semua negara tidak melakukan apa yang perlu dilakukan, tahun 1990an pasti menyaksikan satu transformasi yang sangat penting dalam sistem perdagangan dunia dan satu dunia baru akan wujud, "yang tiada siapa akan menyukainya", katanya.

Dr Mahathir berkata, beliau amat khawatir GATT dianggap hanya sebagai "perjanjian am untuk bercakap dan bercakap" dan beliau amat runsing mengenai prospek yang peningkatan dalam perlindungan dan perdagangan yang diurus.

Menjelaskan mengenai krisis pertumbuhan semasa, beliau berkata bahawa ia menjejaskan ketiga-tiga dunia, yang pernah disebut sebagai Dunia Ketiga, Dunia Kedua dan Dunia Pertama.

Katanya, dalam tahun 1980an, dua daripada tiga negara-negara Dunia Ketiga mengalami kemerosotan dalam pendapatan per kapita masing-masing, yang kejatuhan itu lebih 10 peratus di lebih separuh daripada negara-negara tersebut dan lebih 20 peratus dalam dua daripada lima kes. -- lagi

Yang lebih buruk ialah "catastroika" di Russia dan Eropah Timur, bekas Dunia Kedua, di mana pengeluaran hari ini adalah 30 peratus lebih rendah berbanding dengan tiga tahun lepas, tambahnya.

Beliau berkata: "Tiada ekonomi dalam kumpulan ekonomi-ekonomi mengalami kejatuhan set eruk itu, walaupun semasa tempoh Kemelesetan Besar. Dan semuanya kerana mereka mempercayai bahawa demokrasi dan *ekonomi* adalah sama dengan keamanan dan kemakmuran."

Bagaimanapun, krisis pertumbuhan negara-negara maju yang paling penting bagi dunia secara keseluruhannya, katanya, sambil menambah ka ta walaupun Jepun sedang menghadapi masalah yang besar, krisis ekonomi dunia yang perlu dibimbangkan oleh dunia ada di Eropah dan Amerika Utara.

Dr Mahathir berkata, banyak masalah disebabkan oleh ketidakmampuan untuk menghadapi kenyataan, iaitu "anda tidak boleh hidup di luar kemampuan anda".

Mengenai krisis dalam sistem perdagangan dunia pelbagai hala, beliau berkata bahawa kesihatan, alam sekitar dan taraf keselamatan menjadi instrumen yang standard dalam perlindungan perdagangan.

"Rakan-rakanti tidak segan untuk berbincang mengenai sekat perdagangan sesama mereka. Sasaran import akan semakin banyak digunakan oleh yang kuat terhadap yang lemah," tambahnya.

Merujuk kepada kenya taan Perdana Menteri Jepun, Kiichi Miyazawa, bahawa adalah tidak dapat diterima bagi negara-negara memberitahu syarikat-syarikat mereka banyak manabarang yang mereka harus beli dari sesuatu negara, beliau berkata walau apapun, dagangan yang diurus sudah meningkat.

"Malah, sudah ada cerdik pandai Barat yang di segani yang mempertahankan bahawa cara itu adalah model yang sah bagi mengendalikan perdagangan di masa depan," kata Dr Mahathir. "Terdapat ahli-ahli politik yang secara terbuka memperjuangkannya tanpa merasa malu."

Mengenai peningkatan perkumpulan perdagangan serantau dan seperantauan, Dr Mahathir berkata bahawa ekonomi seperantauan, malah politik seperantauan, seperti persejagatan, adalah proses yang tidak dapat ditahan.

"Tiada satupun yang baik ataupun buruk. Apa yang penting ialah mengenal pasti yang mana satu yang produktif dan sebaliknya," tambahnya.

"Apa yang kita takut dan tentang ialah seperantauan yang tertutup dan berpandangan sempit, seperantauan yang tujuannya tidak menyumbang kepada liberalisasi perdagangan dunia dan kerjasama ekonomi, tidak meningkatkan daya pengeluaran dan daya saing negara, tetapi untuk melindungi ketidakcekapan, untuk memutuskan hubungan, untuk undur ke dalam kubu dan mengendalikan tempat menembak."

Katanya, 25 tahun lepas, Asean mengorak langkah berani di rantau itu untuk mengwujudkan satu perkumpulan, hasil persepakatan serantau oleh negara-negara yang berhasrat menguatkan kesungguhan diri dan kuasa serantau.

Tambahnya, ramai di Asia Timur percaya prinsip "kaizen" Jepun iaitu kejayaan tidak datang dengan hanya sekali melompat tetapi selepas berusaha dengan berterusan.

"Kita mempunyai hak yang sah untuk menjadikan rantau kita satu zon yang sama-sama mengekalkan kedamaian dan kemakmuran, hidup dalam suasana harmoni," katanya.

"Kalau ini akan mengambil masa seratus tahun, lebih cepat kita mulakan lebih baik. Paling baik dimulakan pada ketika yang sesuai."

Beliau percaya bahawa keadaan dan persekitaran di rantau dunia sebelah sini adalah lebih baik sekarang daripada dahulu. "Konfigurasi strategik kuasa-kuasa Asia Timur kini lebih baik daripada semasa satu setengah abad yang lepas," katanya. -- lagi

EK
ECCNFW3
DUNIA DALAM KRISIS 3 TOKYO

Dr Mahathir berkata, sebelum ini penduduk Asia beruntung dan menanggung beban daripada keputusan-keputusan dan kejadian di tempat lain, secara praktis tidak pernah merupakan "sebab", hampir selalu hanya merupakan "akibat".

"Kita mungkin tidak lagi menjadi pusat dunia," katanya, "tetapi sekurang-kurangnya akan harus menjadi pusat bagi dunia kita. Kita mesti menetapkan kesanggupan kita untuk memastikan bahawa sejarah Asia Timur akan berlaku di Asia Timur, untuk Asia Timur dan oleh penduduk Asia Timur."

Merujuk kepada kepesatan penyatuan 'ekonomi Asia Timur, Dr Mahathir berkata bahawa ini merupakan contoh jelas mengenai seperantauan terhuka yang didorong oleh pasaran.

"Dalam tahun-tahun dan dekad-dekad akan datang, saya pasti penyatuan ekonomi kita yang menyeluruh akan terus didorong oleh seperantauan pasaran," katanya.

"Saya pasti kita akan terus menerima penggerak ekonomi dunia yang terkemuka dalam proses untuk memperkayakan seperantauan kita yang terhuka yang didorong oleh pasaran. Tentunya, kita mesti menerima semua negara untuk menyertai kita dalam pembentukan rantau Asia Timur yang didorong oleh ekonomi."

Semasa Asia Timur mengambil langkah pertama ke arah zon kerjasama bagi kedamaian dan kemakmuran, mereka mesti memulakan dengan langkah yang kecil, pragmatik dan produktif "dan kita mesti mengharapkan rakan-rakan kita di rantau lain di dunia memahami cita-cita kita".

"Saya percaya keperluan utama ialah Asia Timur melakukan dua perkara," katanya, sambil menambah kata yang pertama mengambil kesempatan dari pada faedah sampingan dan peluang-peluang bagi kerjasama mencapai kemajuan ekonomi secara bersama bagi jangka singkat, sederhana dan panjang secara maksimum di rantau ini.

Yang kedua ialah mewujudkan satu gabungan yang produktif bagi kejayaan Pusingan Unguay, demi kepentingan ekonomi pelbagai hala dan terbuka serantau dan sedunia yang produktif.

Dr Mahathir berkata, Asia hari ini tidak lagi seperti Asia di masa lepas. "Kita mesti diberi tempat yang sesuai dalam dunia yang sudah berubah," tambahnya.

"Kita berdaya untuk maju dan mempunyai masa depan yang dinamik. Perjalanan ini tidak dapat kita lalui sendirian.

"Asia harus menghulurkan tangan persahabatan dan kerjasama kepada semua negara, rantau dan benua yang sanggup berkerjasama dengan kita dalam satu perkongsi yang tulus." -- Bernama